

# UMS juara hatrik Sukan IPT Sabah 2018

UB 24.4.2018 A12

KOTA KINABALU: Universiti Malaysia Sabah (UMS) merangkul gelaran juara hatrik Kejohanan Sukan IPT Sabah 2018 yang berakhir di Tawau pada Ahad.

Kejohanan edisi Ke-3 merebut Piala Timbalan Menteri Pendidikan Tinggi Malaysia, Datuk Dr. Mary Yap Kain Ching itu berlangsung di Institusi Pendidikan Guru cawangan Tawau dan Kompleks Sukan Bandar Seri Indah.

UMS membawa pulang tiga emas, tiga perak dan dua

gangsa untuk mengatasi naib johan Politeknik KK yang memenangi dua emas, dua perak dan satu gangsa sambil tempat ketiga keseluruhan disandang oleh UiTM KK dengan dua emas dan satu perak.

Pingat emas pertama UMS dimenangi menerusi sukan bola jaring menewaskan naib johan UiTM KK sambil tempat ketiga disandang oleh Politeknik KK.

UMS kemudiannya menjuarai sukan futsal wanita dengan mengatasi naib johan

Politeknik Sandakan sambil ketiga disandang oleh pasukan Kementerian Pendidikan Tinggi Malaysia (KPTM) Semporna.

Pingat emas ketiga pula dimenangi menerusi sukan bola keranjang wanita di mana UMS menewaskan naib johan KT6 Tawau sambil tempat ketiga disandang oleh Kolej Komuniti Tawau.

Dalam sukan futsal lelaki, UMS muncul selaku naib johan, tewas ditangan UiTM KK sambil tempat ketiga disandang oleh pasukan Kolej

Komuniti Sandakan.

UMS juga muncul selaku naib johan dalam sukan bola keranjang lelaki yang dijuarai oleh Politeknik KK sambil tempat ketiga disandang oleh KPTM Semporna.

Manakala dalam sukan ping pong, UMS menduduki tempat kedua di belakang Politeknik KK sambil pasukan KT6 Tawau menduduki tempat ketiga.

Sukan badminton menyaksikan pasukan UMS menduduki tempat ketiga di belakang juara UiTM dan



**KONTINJEN UMS meraih gelaran juara hatrik Kejohanan Sukan IPT Sabah Ke-3, 2018 yang berakhir di Tawau pada Ahad.**

naib johan Politeknik KK, menyaksikan UMS juga

menduduki tempat ketiga di belakang Kolej Komuniti Tawau selaku juara dan

Politeknik KK muncul selaku naib johan. Oleh **DESMOND QWEK**